

27 DEC 2002

PERAK-ALUMINIUM

KILANG ALUMINIUM PERTAMA MALAYSIA BAKAL DIBINA DI LUMUT TAHUN DEPAN

IPOH, 27 Dis (Bernama) -- Kilang peleburan aluminium yang pertama di Malaysia bakal didirikan Perak apabila Masco Aluminium Smelting membuat keputusan membina kilang mereka di Lumut tahun hadapan.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Industri, Pembangunan Usahawan dan Penerangan negeri, Datuk Ramly Zahari berkata Masco Aluminium Smelting telah membuat perancangan untuk mendirikan kilang tersebut di Lumut sejak tahun 1999 lagi tetapi berikutan beberapa masalah menyebabkan ianya tidak dapat dilaksanakan.

Katanya, sebelum ini syarikat tersebut yang merupakan gabungan syarikat dari China, Amerika Syarikat dan Hong Kong gagal mencapai kata sepakat dengan Tenaga Nasional Berhad (TNB) tentang tarif tenaga elektrik yang akan dibekalkan TNB.

"TNB telah menetapkan kadar sebanyak 16 sen bagi setiap unit tenaga elektrik yang dibekalkan untuk pihak industri. Bagaimanapun, pihak Masco mahukan kadar kira-kira 8 sen atau 9 sen seunit. Oleh kerana ini, pembinaan kilang aluminium tersebut tertangguh," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis Hari Raya Aidilfitri Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP) di sini, hari ini.

Katanya lagi, sebagai penyelesaian kepada masalah ini semalam telah diadakan pertemuan antara kerajaan negeri, Masco, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Perdana Menteri telah membuat keputusan untuk membenarkan Masco membina kilang kuasa mereka sendiri untuk membolehkan mereka menghasilkan tenaga elektrik bagi kilang mereka yang akan dibina.

"Terpulang kepada mereka bagaimana untuk menghasilkan tenaga elektrik yang mana bahan bakarnya ialah arang batu. Bagaimanapun Perdana Menteri menetapkan supaya mereka mematuhi peraturan alam sekitar selain mengambil kira kawasan tersebut sebagai kawasan pelancongan dan kawasan pengkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM)," katanya.

Beliau berkata Perdana Menteri turut mensyaratkan supaya lebih tenaga elektrik yang mereka hasilkan tidak boleh dijual dan sebaliknya mereka dikehendaki berbincang dengan kerajaan dan terpulang kepada kerajaan untuk menentukannya.

Menurutnya lagi, kerajaan negeri dan Masco telah mencapai kata sepakat untuk membina kilang tersebut di kawasan Terminal Maritim Lumut (LMT) di atas tanah seluas 136 hektar dan jika siap nanti ia akan menjadi kilang aluminium terbesar di Asia Tenggara.

"Tujuan kita memilih kawasan LMT kerana kita mahu jadikan pelabuhan Lumut sebagai pelabuhan tersendiri. Sekarang ini pelabuhan Lumut hanyalah pelabuhan pengantara kepada Pelabuhan Kelang dan Pulau Pinang," katanya.

Ramly berkata pemilihan LMT juga akan membolehkan kerja-kerja pembinaan dapat dilakukan dengan cepat kerana LMT telah mempunyai tapak dan infrastruktur yang baik.

"Apabila kilang tersebut beroperasi Masco akan membawa pelaburan RM8 bilion ke situ dan ini adalah pelaburan yang terbesar pernah Perak terima. Kilang tersebut dijangka boleh mengeluarkan kira-kira satu juta tan matrik aluminium setahun," katanya.

Katanya, buat masa ini, Masco dan kerajaan negeri sedang merancang bagaimana untuk menjayakannya pembinaan kilang itu dan tahun depan projek tersebut boleh dimulakan. -- BERNAMA

KAY ZK